

AKTA PERTUBUHAN, 1966
(SOCIETIES ACT, 1966)
(REVISED - 1987)

A warm, dimly lit library or study. In the foreground, an open, thick book with a dark cover and aged pages lies on a wooden desk. To its left, a silver laptop is open. In the background, tall wooden bookshelves are filled with numerous books. A desk lamp with a green shade is lit, casting a soft glow. The overall atmosphere is quiet and scholarly.

PENDAHULUAN

Pertubuhan ialah sebuah badan yang mengandungi tujuh orang ahli atau lebih yang ditubuhkan untuk mencapai sesuatu objektif dan tujuan. Ia termasuklah mana-mana kelab, syarikat, perkongsian dan persatuan yang tidak boleh didaftarkan di bawah undang-undang seperti berikut:-



(a) Undang-undang berkaitan dengan pendaftaran Syarikat

(b) Undang-undang berkaitan dengan pendaftaran Kesatuan Sekerja

(c) Undang-undang berkaitan dengan pendaftaran Syarikat Kerjasama

(d) Undang-undang berkaitan dengan pendaftaran Sekolah

Akta Pertubuhan, 1966 merupakan satu Akta yang penting bagi mengawal segala aktiviti pertubuhan untuk membendung segala corak kegiatan yang boleh mendatangkan ancaman kepada kesejahteraan negara dan rakyat Malaysia.

A classic library or study room with bookshelves, a desk, a chair, a globe, and a lamp. The room is filled with books, and the lighting is warm and inviting. The text is overlaid on the image in a yellow, stylized font.

**PELANTIKAN PENDAFTAR,
TIMBALAN PENDAFTAR
DAN LAIN-LAIN PEGAWAI**

i) Yang diPertua Agong melantik:

- (a)Pendaftar Pertubuhan
- (b)Timbalan Pendaftar

ii) Menteri Dalam Negeri melantik:

- (a)Penolong-penolong Pendaftar
- (b)Pegawai-pegawai lain

iii) Kesemua Pegawai di atas disifatkan Penjawat Awam bagi maksud Kanun Keseksaan

iv) Kebal dari tindakan guaman dalam menjalankan tugas resmi sekiranya dibuat dengan suci hati (good faith) dengan tiada kecuaiian (without negligence)



**PERTUBUHAN
DISIFATKAN
DITUBUHKAN
DIMALAYSIA
-SEKSYEN 4**

(i) Jika sesiapa pemegang jawatan atau anggotanya tinggal atau berada di Malaysia

(ii) Jika sesiapa jua di dalam Malaysia yang menguruskan atau menolong dalam pengurusan itu atau memungut atau meminta wang atau yuran bagi pihaknya

Kecuali pertubuhan itu memenuhi syarat Seksyen 4 (a,b,c,d)



**KUASA MENTERI DALAM
NEGERI MENGISYTIHARKAN
PERTUBUHAN SEBAGAI
MENYALAHKAN
UNDANG-UNDANG
- SEKSYEN 5**

Menteri boleh – menurut budi bicaranya yang mutlak (*absolute discretion*) mengisytiharkan sebagai menyalahi undang-undang mana-mana pertubuhan, cawangan atau peringkat atau jenis pertubuhan yang pada pendapatnya:

i) Adalah atau sedang digunakan bagi tujuan memudaratkan; atau

ii) Bertentangan dengan kepentingan keselamatan negara Malaysia atau ketenteraman awam atau akhlak (*morality*)

Nota: Perintah yang dibuat di bawah Seksyen 5 perlu disiarkan dalam Warta Kerajaan.

A classic library with bookshelves, leather chairs, and a patterned rug. The text is overlaid on the image.

**PERMOHONAN
UNTUK PENDAFTARAN
(SEKSYEN 6)**

Sebelum sesebuah pertubuhan menjalankan aktiviti-aktiviti, ia hendaklah didaftarkan dibawah Akta ini terlebih dahulu. Pertubuhan yang menjalankan aktiviti tanpa kebenaran Pendaftar Pertubuhan adalah dianggap sebagai pertubuhan yang menyalahi undang-undang. Sesiapa yang berbuat demikian adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak lebih daripada RM 5000.00. Jika pelanggaran yang berlanjutan, maka orang itu boleh dikenakan denda tidak lebih daripada RM500.00 bagi tiap-tiap hari pelanggaran itu dilanjutkan selepas hari yang pertama.

A photograph of a library interior. The room is filled with tall wooden bookshelves reaching up to the ceiling. A wooden staircase is visible on the left side. In the foreground, there is a wooden study table with several wooden chairs around it. A window with multiple panes is visible in the background, letting in natural light. The overall atmosphere is warm and scholarly.

**PENDAFTARAN
OLEH PENDAFTAR
(SEKSYEN 7)**

**Tertakluk kepada
peruntukan Seksyen 7
Pendaftar hendaklah,
apabila menerima
permohonan dibawah
Seksyen 6, mendaftarkan
pertubuhan yang membuat
permohonan itu.**



**PENOLAKAN
PENDAFTARAN
(SEKSYEN 7 [2])**

Pendaftar **BOLEH** menolak pendaftaran sesuatu pertubuhan jika:

(a) Ia berpuashati bahawa sesuatu pertubuhan adalah menjadi cawangan mana-mana pertubuhan yang pendaftarannya telah dibatalkan dibawah perenggan Seksyen 13 (1)(c) ; atau

(b) Ia tidak puashati bahawa pertubuhan itu menurut Peruntukan Akta ini dan peruntukan peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya; atau

(c) Sesuatu pertikaian berlaku di antara anggota-anggota pertubuhan itu tentang orang-orang yang akan memegang atau mentadbirkan apa-apa harta pertubuhan itu sehingga pertikaian itu diputuskan oleh Mahkamah atau dengan jalan timbangan (arbitration) atau dengan jalan perjanjian di antara anggota-anggotanya atau dengan lain-lain jalan.

Pendaftar
HENDAKLAH
menolak
pendaftaran
sesuatu
pertubuhan
jika:-
(Sek. 7[3])

(A) Pada pendapatnya bahawa pertubuhan itu adalah menyalahi undang-undang menurut peruntukan Akta ini atau mana-mana lain undang-undang bertulis atau bahawa ianya mungkin digunakan bagi maksud-maksud yang menyalahi undang-undang

(B) Pertubuhan itu telah diisytiharkan oleh Menteri sebagai menyalahi undang-undang menurut Seksyen 5

(C) Pendaftar puashati bahawa pertubuhan itu tidak ada

(D) Nama-nama yang dengannya pertubuhan itu didaftarkan adalah sama dengan mana-mana lain pertubuhan yang ada

(E) Pendaftar puashati nama pertubuhan itu adalah tidak diingini

(F) Perlembagaan atau Peraturan-peraturan Pertubuhan itu tidak mengandungi peruntukan bagi segala hal seperti Jadual 1 dalam akta ini


NOTA:

Jika Pendaftar menolak permohonan pendaftaran di bawah Seksyen ini, maka Seksyen 17 terpakai. Gagal mematuhi apa-apa syarat permohonan yang dikenakan Pendaftar seperti di Seksyen 7[1] denda RM5000.00 dan bagi pelanggaran berlarutan tiap-tiap hari denda RM500.00.



**TANGGUNGAN PERTUBUHAN
DAN CAWANGAN
PERTUBUHAN BERDAFTAR
DI BAWAH AKTA
PERTUBUHAN 1966**

Adalah menjadi tanggungjawab kepada semua pegawai kanan dan ahli-ahli jawatankuasa bagi sesebuah pertubuhan yang telah berdaftar dan cawangan pertubuhan yang telah dibenarkan pertubuhannya supaya mentadbirkan pertubuhan dan cawangan menurut perlembagaan (undang-undang tubuh) pertubuhan yang telah didaftarkan dan juga mematuhi peruntukan-peruntukan di dalam Akta Pertubuhan, 1966. Di bawah ini diterangkan dengan ringkas peruntukan-peruntukan di dalam Akta Pertubuhan 1966 yang mustahak diingat dan dipatuhi:-



**PERTUBUHAN BERDAFTAR
HENDAK BERTINDAK
SELARAS DENGAN
PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN
DAN PERLEMBAGAAN NEGERI
(SEKSYEN 2A)**

(A) Adalah menjadi kewajipan tiap-tiap pertubuhan berdaftar semasa menjalankan aktiviti-aktivitinya atau menguruskan hal ehwalnya hendaklah selaras dengan dan mematuhi peruntukan Perlembagaan Persekutuan dan Perlembagaan-perlembagaan Negeri, mereka adalah dilarang sama sekali dengan apa jua cara melanggar, atau menampakkan sikap tidak mengendahkan:-

(i) Sistem pemerintahan berdemokrasi yang diketuai oleh Raja atau Yang DiPertua Agong Negeri yang berperlembagaan bagi negeri-negeri

(ii) Kedudukan Islam sebagai Agama Rasmi bagi Persekutuan (Malaysia), berserta agama-agama lain yang diamalkan dengan aman & harmoni

(iii) Penggunaan Bahasa Kebangsaan bagi maksud-maksud rasmi

(iv) Kedudukan orang-orang Melayu dan Bumiputra di Negeri Sabah & Sarawak

(v) Kepentingan yang sah bagi masyarakat-masyarakat lain

(B) Mana-mana pertubuhan berdaftar yang melanggar peruntukan di bawah Seksyen 2A ini, maka pendaftaran pertubuhan tersebut akan dibatalkan setelah Pendaftar memberi satu peluang representasi kepadanya.

A grand library with a leather sofa and bookshelves. The room is filled with bookshelves, a large leather sofa, and a patterned rug. The text is overlaid in a yellow, stylized font.

**HILANG KELAYAKAN
BAGI PEMEGANG
JAWATAN, PENASIHAT
DAN PEKERJA
PERTUBUHAN BERDAFTAR
(SEKSYEN 9A)**

(A) Seseorang adalah hilang kelayakan daripada menjadi & tidak boleh terus menjadi pemegang jawatan, penasihat atau pekerja sesebuah pertubuhan berdaftar:-

i) Jika ia telah disabit melakukan apa-apa kesalahan terhadap Akta Pertubuhan 1966

ii) Jika ia telah disabitkan melakukan kesalahan di bawah mana-mana undang-undang lain dan telah dijatuhkan hukuman denda tidak kurang daripada RM2000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak kurang daripada satu tahun. (Hilang kelayakan ini terhenti apabila tamat tempoh lima tahun mulai dari tarikh seorang tersebut dilepaskan dari jagaan atau tarikh denda tersebut dikenakan)

iii) Jika ada dikuatkuasakan terhadapnya apa-apa perintah tahanan, sekatan, pengawasan, kediaman terhad, buang negeri atau pengusiran di bawah mana-mana undang-undang berhubung dengan keselamatan atau ketenteraman awam dalam Persekutuan atau mana-mana bahagiannya, atau berhubung dengan pencegahan jenayah, tahanan kerana keselamatan, kediaman terhad, buang negeri atau imigresen

iv) Jika ia adalah si bankrap yang belum dilepaskan

v) Jika ia adalah didapati atau ditetapkan sebagai tidak sempurna akal

NOTA:

**Gagal mematuhi
Seksyen 9A[1] dan [4] –
penjara 3 tahun atau
denda RM 10 000.00
atau kedua-duanya
sekali.**

(B) Istilah 'Pemegang Jawatan' di bawah Seksyen 9A[7] ini termasuklah:-

i) Ahli mana-mana jawatankuasa kecil atau badan-badan lain yang ditubuhkan atau dibentuk oleh badan pengelola sesuatu pertubuhan berdaftar, atau boleh badan pengelola cawangan pertubuhan itu

ii) Seseorang yang sedikit sebanyak bertanggungjawab atau pengurusan apa-apa hal ehwal atau perjalanan apa-apa aktiviti, sesuatu pertubuhan berdaftar atau mana-mana cawangan pertubuhan itu

iii) Seseorang yang dilantik atau diberi kuasa untuk mewakili atau bertindak bagi sesuatu pertubuhan berdaftar, atau mana-mana cawangan pertubuhan itu, dalam apa-apa perkara kerana sifat profesionalnya atau mengikut perkiraan kontrak (contoh: Peguam pertubuhan berkenaan)



**MAKLUMAT TAHUNAN
YANG WAJIB DIBERI
(SEKSYEN 14)**

(A)Tiap-tiap pertubuhan dan cawangan pertubuhan yang beerdaftar hendaklah menghantar kepada Pendaftar atau Penolong Pendaftar Pertubuhan tiap-tiap tahun maklumat-maklumat berikut:-

i) Suatu salinan pindaan kepada undang-undang berdaftar atau aturan- aturan pertubuhan itu yang dibuat semenjak tarikh atau tarikh penyata yang akhir.

ii) Suatu salinan senarai ahli-ahli jawatankuasa dan bilangan anggota Pertubuhan itu yang menetap di Malaysia pada tarikh penyata.

iii) Alamat pertubuhan itu atau alamat tempat urusan pertubuhan itu.

iv) Penyata Kewangan dan Kunci Kira-kira kedudukan kewangan pada penghujung Tahun Kewangan.

v) Dua salinan keterangan yang menunjukkan butir-butir berkenaan geran atau surat-surat milik bagi segala harta yang dipunyai oleh pertubuhan ini.

vi) Senarai nama dan alamat mana-mana pertubuhan, persatuan, kesatuan sekerja atau mana-mana kumpulan orang lain, yang diperbadankan atau tidak diperbadankan atau bergabung dengan pertubuhan ini.

vii) Semasa senarai perihal apa-apa wang atau harta, apa-apa faedah atau keuntungan pekuniari yang diterima oleh pertubuhan ini daripada mana-mana orang yang lazimnya bermastautin di luar Malaysia atau suatu organisasi, pihak berkuasa, kerajaan atau agensi mana-mana kerajaan di luar Malaysia.

ix) Apa-apa maklumat yang diminta oleh pendaftar dari semasa ke semasa.

(B) Maklumat-maklumat di atas mestilah dihantar pada tiap-tiap tahun iaitu dalam masa 60 hari selepas mesyuarat agung tahunan diadakan. Jika mesyuarat agung tidak diadakan, 60 hari selepas berakhirnya setiap tahun kalendar. Tiap-tiap maklumat tersebut hendaklah disahkan dan ditandatangani oleh dua orang pemegang jawatan utama pertubuhan. Kegagalan pertubuhan/cawangan menghantar maklumat seperti di atas boleh mengakibatkan pertubuhan/cawangan tersebut dibatalkan pendaftarannya serta tindakan undang-undang mengikut Seksyen 15(2), Akta Pertubuhan 1966 diambil keatas pemegang-pemegang jawatan pertubuhan. Seksyen 15(2) memperuntukkan tiap-tiap pemegang jawatan dan tiap-tiap orang mengurus atau menolong dalam pengurusan mana-mana pertubuhan yang gagal mengirimkan maklumat-maklumat di atas boleh dikenakan denda sehingga RM5000.00.

**MENUKAR NAMA,
ALAMAT DAN MEMINDA
UNDANG-UNDANG
BERDAFTAR
(SEKSYEN 11)**

Pertubuhan/Cawangan tidak boleh menukar nama, alamat dan meminda undang-undang tubuhnya sebelum terlebih dahulu mendapat kelulusan Pendaftar Pertubuhan. Perkataan 'pinda' dalam Seksyen 11 ini termasuklah membuat pindaan, menambah atau mengurangkan mana-mana bahagian undang-undang berdaftar yang sedia ada. Permohonan untuk sebarang penukaran seperti di atas hendaklah dihantar kepada Pendaftar/Penolong Pendaftar dalam 4 salinan dan ditandatangani oleh dua orang pemegang jawatan utama pertubuhan/cawangan. Permohonan untuk mendaftarkan apa-apa perubahan atau pindaan itu hendaklah dibuat dalam masa 60 hari dari tarikh keputusan hendak membuat perubahan atau pindaan itu.

**CAWANGAN
PERTUBUHAN
(SEKSYEN 12)**

A) Pertubuhan berdaftar tidak boleh menubuhkan cawangan sebelum terlebih dahulu mendapat kebenaran daripada Pendaftar Pertubuhan. Jika sesuatu pertubuhan berdaftar menubuh cawangan tanpa kebenaran Pendaftar, maka pertubuhan tersebut & cawangan yang ditubuhkan itu adalah dianggap sebagai pertubuhan-pertubuhan yang menyalahi undang-undang (unlawful societies).

B) Jika kelulusan untuk menubuhkan sesuatu cawangan telah diberi, cawangan itu hendaklah ditubuhkan dalam masa TIGA BULAN dari tarikh kelulusan itu. Pertubuhan itu hendaklah didalam masa tersebut mengirinkan kepada Pendaftar/Penolong Pendaftar empat(4) salinan senarai ahli-ahli jawatankuasa cawangan itu yang mengandungi butir-butir seperti jawatan,nama (didalam huruf Cina bagi keturunan Cina),No. Kad Pengenalan Lama & Baru,Keturunan,tarikh lahir,tempat lahir, pekerjaan,nama dan alamat majikan dan alamat tempat tinggal.

**TANGGUNGAN PERTUBUHAN
BERDAFTAR BERKENAAN
DENGAN KONTRAK YANG
DIBUAT OLEH CAWANGAN
- SEKSYEN 8A**

(A) Sesuatu pertubuhan berdaftar tidak boleh mendakwa atau didakwa mengenai apa-apa kontrak yang dibuat oleh mana-mana cawangannya

(B) Oleh mana-mana pemegang jawatan cawangan:

(i) Melainkan kontrak itu dibuat oleh cawangan itu menurut kuasa kebenaran nyata kepada cawangan itu oleh Jawatankuasa atau badan Pengelola Pertubuhan berdaftar

(ii) Adalah satu kontrak dalam golongan atau perihal tertentu yang mana cawangan diberi kuasa secara am atau secara khusus oleh pertubuhan itu membuat kontrak

**TANGGUNGJAWAB
BEKAS PEMEGANG-
PEMEGANG JAWATAN
PERTUBUHAN**

**Seksyen 15(1A), Akta Pertubuhan 1966
memperuntukkan jika sesuatu
notis, perintah, atau dokumen lain
disampaikan kepada seseorang yang
tidak lagi menjadi pemegang-pemegang
jawatan utama suatu pertubuhan
berdaftar, dia hendaklah dengan serta-
merta menyampaikan notis, perintah atau
dokumen itu kepada pemegang jawatan
yang sedia ada bagi mengembalikan
kepada Pendaftar atau Penolong
Pendaftar yang menghantarkannya itu,
dan mana-mana orang yang tidak
berbuat demikian bolehlah
disabitkan, dikenakan denda tidak lebih
RM3000.00.**

**PERTUBUHAN/CAWANGAN
PERTUBUHAN MENYALAH
UNDANG-UNDANG**

Seksyen 41, Akta Pertubuhan 1966 memperuntukkan bahawa mana-mana pertubuhan yang tidak berdaftar atau cawangan-cawangan pertubuhan yang ditubuhkan tanpa kebenaran Pendaftar dan Pertubuhan atau cawangan yang dibatalkan daftarnya adalah menjadi suatu pertubuhan/cawangan pertubuhan yang menyalahi undang-undang. Nama-nama pemegang jawatan dan mana-mana orang yang mengurus atau menolong dalam pengurusan mana-mana pertubuhan/cawangan pertubuhan yang menyalahi undang-undang adalah melakukan suatu kesalahan di bawah Seksyen 42, Akta Pertubuhan 1966 dan apabila disabitkan kesalahannya boleh dikenakan penjara selama tempoh tidak lebih daripada lima (5) tahun atau denda tidak lebih daripada RM 15 000.00 atau kedua-duanya.

**BENDERA, LAMBANG
ATAU LENCANA
ATAU LAIN-LAIN
(SEKSYEN 50)**

(a) Tanda atau lambang bagi mana-mana pertubuhan tidak boleh digunakan atau ditunjukkan sebelum dibenarkan oleh Pendaftar. Mana-mana pegawai pertubuhan yang melanggar peruntukan ini, apabila disabitkan boleh dikenakan penjara selama tidak lebih daripada tiga bulan atau denda tidak lebih daripada RM 3000.00.

(b) Permohonan untuk menggunakan lambang hendaklah dibuat kepada Pendaftar/Penolong Pendaftar dengan menyertakan enam (6) contoh lambang atau bendera yang diwarnakan berserta dengan enam (6) salinan keterangan reka-bentuk lambang atau bendera itu. Tiap-tiap salinan hendaklah ditandatangani oleh dua (2) pemegang jawatan utama pertubuhan.

A nighttime photograph of a city with a harbor, featuring many lights from buildings and boats, with a dark mountain in the background under a dark blue sky.

PERTUBUHAN

FAEDAH

BERSAMA

- BAHAGIAN 2

**‘Pertubuhan Faedah Bersama’
ertinya mana-mana pertubuhan
menurut tujuannya ada membuat
peruntukan dengan jalan yuran-
yuran sukarela untuk memberi
bantuan atau nafkah kepada
ahli-ahlinya.
(Seksyen 2 “Tafsiran”)**



**SEKATAN ATAS
PENDAFTARAN
PERTUBUHAN
FAEDAH BERSAMA
- SEKSYEN 21**

Sesuatu pertubuhan faedah bersama tidaklah berhak didaftarkan dibawah Seksyen 7 jika aturan-aturan pertubuhan itu mengadakan peruntukan untuk:-

a) Sesuatu faedah lebih daripada RM2000.00 bagi satu-satu hal.

b) Kemasukan seseorang ahli yang berumur lebih daripada 65 tahun.

c) Kemasukan seseorang ahli yang tidak tinggal di dalam kawasan bandar atau di mana pertubuhan itu bercadang hendak menjalankan urusannya.

MAKSUD 'BANDAR' DI SINI TERMASUKLAH MANA-MANA KAMPUNG, MUKIM, PERBANDARAAN ATAU BANDARAYA.



**PERTUBUHAN
HARAM
- SEKSYEN 41**

Pertubuhan yang tidak mematuhi peruntukan di bawah Seksyen 5,7,12 dan 13 boleh dianggap sebagai pertubuhan yang menyalahi undang-undang. Beberapa hukuman berat boleh dikenakan keatas mereka yang mengurus pertubuhan tersebut. Secara ringkas hukuman yang berkaitan dengan pertubuhan haram adalah seperti berikut:-

KESALAHAN

HUKUMAN

(i) Pelanggaran Seksyen 42
(mengurus sebuah pertubuhan yang menyalahi undang-undang)

Penjara – 5 tahun
Denda – RM 15 000.00
Atau kedua-duanya

(ii) Pelanggaran Seksyen 13
(menjadi ahli atau hadir di dalam mesyuarat)

Penjara – 3 tahun
Denda – RM 5 000.00
Atau kedua-duanya

(iii) Pelanggaran Seksyen 44
(membenarkan mesyuarat diadakan dalam bangunan)

Penjara – 3 tahun
Denda – RM 10 000.00
Atau kedua-duanya

(iv) Pelanggaran Seksyen 45 [1]
(seksaan kerana menghasut seseorang supaya menjadi ahli pertubuhan awam)

Penjara – 4 tahun
Denda – RM 15 000.00
Atau kedua-duanya

(v) Pelanggaran Seksyen 45 [2]
(menggunakan kekerasan ugutan keatas seseorang untuk menjadi pertubuhan haram)

Penjara – 5 tahun
Denda – RM 15 000.00
Atau kedua-duanya

KESALAHAN

HUKUMAN

(vi) Pelanggaran Seksyen 46
(seksaan kerana mendapatkan yuran atau bantuan untuk pertubuhan haram)

Penjara – 3 tahun
Denda – RM 10 000.00
Atau kedua-duanya

(vii) Pelanggaran Seksyen 47
(menyiarkan, menjual dan sebagainya buku, pelekat dan akhbar sesebuah pertubuhan haram)

Penjara – 3 tahun
Denda – RM 10 000.00
Atau kedua-duanya

(viii) Pelanggaran Seksyen 48 [1]
(bertindak bagi pihak atau mewakili suatu pertubuhan yang menyalahi undang-undang)

Penjara – 5 tahun
Denda – RM 15 000.00
Atau kedua-duanya

(ix) Pelanggaran Seksyen 49
(memegang jawatan dalam pertubuhan yang pendaftarnya telah dibatalkan)

Penjara – 5 tahun
Denda – RM 15 000.00
Atau kedua-duanya

A photograph of a city skyline at sunset, viewed from across a body of water. The sky is a mix of blue and orange, with the sun low on the horizon. The city features numerous skyscrapers and buildings. The word "PENUTUP" is overlaid in large, yellow, 3D-style letters with a black outline, centered across the middle of the image. The letters are slightly transparent, allowing the buildings behind them to be visible. The water in the foreground shows ripples and reflects the colors of the sky and the city.

PENUTUP

Sungguhpun Akta ini mempunyai sejumlah 70 Seksyen peruntukan untuk mengawal perihal pertubuhan tetapi Menteri Dalam Negeri boleh menurut budi bicaranya, dengan bertulis mengecualikan mana-mana pertubuhan yang didaftarkan di bawah Akta ini daripada segala atau mana jua daripada peruntukan Akta ini.

Seksyen 70.

Disediakan Oleh:

ROSLAN LAMPAKAS

Bachelor of Laws LL.B (HONS) DEGREE

Advocates & Solicitor

Kementerian Kewangan Negeri

KOTA KINABALU

The background is a rich, multi-colored nebula or galaxy, featuring a spectrum of colors including deep blues, purples, pinks, greens, and oranges, all set against a dark, star-filled space. The word "TAMAT." is prominently displayed in the center, enclosed within a white dashed rectangular border. The text is rendered in a clean, white, sans-serif font, with a period at the end.

TAMAT.